

BAB

5

APLIKASI *MAQASID SYARIAH* DALAM PENENTUAN HUKUM BIOTEKNOLOGI PERUBATAN

*Nik Abdul Rahim Nik Abdul Ghani,
Muhammad Nazir Alias, dan Nasrul Hisyam Nor Muhamad*

5.1 PENDAHULUAN

Maqasid syariah merupakan matlamat utama pembentukan undang-undang Islam yang bertujuan untuk memelihara lima perkara asas, iaitu agama, nyawa, akal, keturunan, dan harta. Dalam bidang perubatan, prinsip *maqasid syariah* amat penting untuk memastikan rawatan dan penjagaan kesihatan dilaksanakan mengikut acuan Islam yang sebenar. Misalnya, dalam menentukan hukum sesuatu rawatan perubatan atau penyelidikan, prinsip *maqasid syariah* diguna untuk menilai sama ada ia akan membawa kebaikan dan menolak kemudaratan terhadap lima perkara asas tersebut.

Begitu juga, konsep halal dan haram dalam ubat-ubatan dan rawatan, termasuk hukum pemberian vaksin, perlu dirujuk dan dinilai berdasarkan prinsip *maqasid syariah*. Selain itu, isu-isu bioetika moden seperti hukum pembekuan sperma dan osit, turut memerlukan penelitian semula daripada perspektif *maqasid*. Osit merujuk kepada sel telur wanita yang berperanan penting dalam proses persenyawaan dan pembiakan; oleh itu, pembekuannya melibatkan pertimbangan

terhadap penjagaan keturunan dan maruah insan menurut hukum Islam. Justeru, aplikasi *maqasid* prinsip dalam perubatan moden amat penting bagi memastikan segala amalan dan perkembangan dalam bidang perubatan ini selari dengan kerangka syariah. Pendekatan ini bukan sahaja memberi manfaat kepada pesakit muslim, bahkan juga kepada masyarakat umum secara keseluruhannya.

Bab ini dimulakan dengan mengupas konsep *maqasid syariah* dan kepentingannya. Seterusnya, subtopik berikut membincangkan pembahagian *maqasid syariah* dari sudut kepentingan dan keperluannya dalam kehidupan manusia. Perbincangan ini diakhiri dengan huraian terhadap dua isu perubatan moden daripada perspektif *maqasid syariah*, iaitu pembekuan sperma dan osit, serta isu pemberian vaksin.

5.2 KONSEP MAQASID SYARIAH

Secara literal, *maqasid* ialah kalimah jamak kepada *maqsad* yang bermaksud objektif atau tujuan. Istilah *maqasid syariah* telah digunakan secara meluas dalam karya-karya fiqh serta pengajian Islam klasik dan moden. Dari segi istilah, terdapat beberapa definisi yang dikemukakan oleh para sarjana Islam kontemporari.

Menurut Ibn Ashur (2004), *maqasid syariah* merujuk kepada makna dan hikmah yang menjadi pertimbangan syarak dalam kebanyakan atau keseluruhan pensyariatan hukum. Ia tidak terhad kepada bentuk hukum tertentu sahaja, malah merangkumi ciri-ciri umum syariah, matlamat umum syariah, dan makna yang sentiasa dipertimbangkan dalam pensyariatan hukum.

Seterusnya, menurut al-Khadimi (2001), *maqasid syariah* meliputi makna yang dapat diperhatikan daripada hukum-hukum syarak sama ada secara spesifik atau menyeluruh, ataupun ciri-ciri umum syariah. Kesemua makna ini bermatlamat untuk mewujudkan pengabdian kepada Allah SWT dan menjaga kemaslahatan manusia di dunia dan akhirat. Menurut al-Raysuni (1992), *maqasid syariah* merujuk kepada matlamat utama di sebalik pensyariatan hukum dalam Islam, yang bertujuan semata-mata untuk merealisasikan kemaslahatan manusia.

Berdasarkan pandangan sarjana Islam kontemporari dapat dirumuskan bahawa *maqasid syariah* mempunyai skop yang luas, merangkumi pelbagai aspek seperti matlamat utama syariah, ciri-ciri umum syariah, hikmah di sebalik setiap hukum, dan lain-lain, dengan tujuan utama untuk merealisasikan kemaslahatan manusia di dunia dan akhirat (Ibn 'Ashur, 2004; al-Khadimi, 2001; al-Raysuni, 1995).

Kepentingan *maqasid syariah* tidak boleh dipandang remeh kerana ia merupakan roh dan tujuan sebenar di sebalik setiap pensyariatan hukum dalam Islam. Mengabaikannya boleh menyebabkan seseorang itu menyalahi kehendak syariah yang sebenar walaupun secara lahiriah tampak mematuhi nas-nas syarak (al-Qaradawi 2008).

Menurut pandangan Imam al-Shatibi (2004), seperti yang dirumuskan oleh Sheikh Ibn Bayyah (2018), *maqasid syariah* itu merangkumi beberapa perkara. Pertama, *maqasid syariah* meliputi maksud-maksud sama ada secara terperinci ataupun umum yang dapat difahami hasil daripada penelitian yang mendalam ke atas nas-nas syariah. Sebagai contoh, maksud tersurat daripada kewajipan solat lima waktu adalah untuk menunaikan perintah Allah SWT dan mendekatkan diri kepada-Nya, manakala maksud yang lebih umum pula ialah untuk melahirkan manusia yang bertakwa.

Kedua, *maqasid syariah* turut merangkumi isyarat, petunjuk, hikmah, dan tujuan tersirat di sebalik sesuatu pensyariatan hukum. Sebagai contoh, hikmah pensyariatan hukum potong tangan bagi pencuri ialah untuk melindungi harta individu dan masyarakat daripada diceroboh.

Ketiga, *maqasid syariah* juga merangkumi perkara-perkara yang tidak dinyatakan secara jelas hukumnya dalam al-Quran dan hadis. Contohnya, tiada nas yang mengharamkan pemindahan organ manusia. Dalam situasi sebegini, para ulama akan mengkaji konteks dan keadaan untuk membuat keputusan sama ada pendekatan *Sad al-Dhara'i* (menutup jalan yang membawa kemudaratan) atau *Fath al-Dhara'i* (membuka jalan yang mendatangkan kebaikan) perlu diambil. Setelah penelitian dibuat, mereka memutuskan bahawa pemindahan organ adalah harus kerana ia bertujuan untuk menyelamatkan nyawa, walaupun tiada nas yang jelas